



**INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL  
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM  
(IRJSMI)**  
[www.irjsmi.com](http://www.irjsmi.com)



## **BEBERAPA PENGAMATAN 'NILAI SASTERA ISLAM' TERHADAP KARYA SITI ZAINON**

*THE STUDY OF SPECIFICALLY EXAMINES IN THE "VALUES OF ISLAMIC LITERATURE" IN SITI ZAINON'S CREATIVE WRITING*

Adli Yaacob<sup>1</sup>, Afifah Toklubok<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa  
Email: adlihy@iium.edu.my

<sup>2</sup> Pelajar MA di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

#### **To cite this document:**

Yaacob, A., & Toklubok, A. (2021). Beberapa Pengamatan 'Nilai Sastera Islam' Terhadap Karya Siti Zainon. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 3 (9), 45-56.

DOI: 10.35631/IRJSMI.39006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kajian ini secara khusus mengkaji tentang konsep Sastera Islam yang terdapat dalam karya Siti Zainon Ismail. Uniknya, Siti Zainon menggabungkan antara lukisan dan sastera dalam karyanya. Konsep sastera Islam tidak digagaskan oleh Siti Zainon namun penulis berusaha mengkaji aplikasi konsep Sastera Islam yang wujud dalam karya beliau. Konsep sastera Islam yang kita boleh dapat dalam hasil karyanya antaranya; pertamanya; penggunaan unsur kaligrafi atau tulisan Jawi, kedua; mementingkan sensitiviti terhadap persekitaran dan masyarakatnya, ketiga; menjadi intipati budaya atau bangsa; keempat; tiada figuratifisme; kelima; penggunaan motif flora dan fauna. Kelima-lima teori ini akhirnya kembali kepada konsep utama Sastera Islam dalam karyanya, iaitu segalanya kembali kepada keindahan Tuhan.

### **Kata Kunci:**

Sastera Islam, Lukisan, Seni Dan Sastera, Aplikasi Konsep, Keindahan

### **Abstract:**

This study specifically examines the concept of Islamic literature found in the work of Siti Zainon Ismail. Interestingly, Siti Zainon combines painting and literature in her work. The concept of Islamic literature was not founded by Siti

<sup>1</sup> Beliau merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.

<sup>2</sup> Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Zainon but the author sought to study the application of the concept of Islamic literature that exists in her work. The concepts of Islamic literature that we can find in her work include; first; use of calligraphic elements or Jawi writing, second; the importance of sensitivity to the environment and its society, third; the essence of culture or nation; fourth; no figurativeism; fifth; the use of floral motifs and fauna. These five theories eventually return to the main concept of Islamic Literature in her work, which is to return to the everlasting beauty which is God.

**Keywords:**

Islamic Literature, Painting, Art and Literature, Application of Concepts, Beauty

### Latar Belakang

Siti Zainon Ismail lahir pada 18 Disember 1949 di Gombak, Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang pengarang, pengkaji seni budaya warisan Melayu, seniman, penyair dan pelukis Malaysia. Siti Zainon adalah kacukan keturunan Melayu - Minang - Batubara, Jawa - Banjar. Juga diasuh oleh 'ayah kedua' berketurunan Aceh-Patani.

Mendapat pendidikan asas di Sekolah Rendah Setapak, Kuala Lumpur dan Sekolah Rendah Langgar, Kota Bharu dan seterusnya ke Sekolah Menengah Aminudin Baki (SAB), Kuala Lumpur (1962-1968). Beliau mengaji dengan abah dan 'ayah Mat' yang juga memberinya cerita wayang kulit. Di Kota Bharu juga beliau mula belajar mencolek kain batik. Di SAB beliau dilatih oleh guru seni lukis Idris Haji Salam sehingga ia bergabung pula dengan Angkatan Pelukis Semenanjung (APS, 1964-1968). Oleh kerana minatnya kepada seni lukis beliau melanjut ke pendidikan seni di Institut Seni Indonesia (ASRI) jurusan Seni Lukis (1970-1973). Beliau merupakan pelajar seni lukis yang kerap memenangi Anugerah Sketsa Kartini (1970-1973). Pada bulan Februari 1974 pulang ke tanahair bertugas sebagai Jurulatih seni lukis di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (1974-1976). Seterusnya sebagai tutor di Universiti Kebangsaan Malaysia (1976) dan lulus Sarjana Sastera (UKM. 1980), Ph.D (UM. 1990).

Semasa kecil, kecenderungannya terhadap sastera tidak terserlah namun kesibukan ayah Dee beliau dengan buku-buku membuatkan beliau ingin tahu tentang dunia penulisan. Di sekolah juga, guru sastera tidak banyak membantu mengembangkan bakat dan cara pengajaran tidak menarik minat beliau. Namun begitu, minat beliau terhadap sastera mula berkembang seiring dengan seni lukis.<sup>3</sup>

Beliau adalah penyair pelukis wanita yang terus aktif. Kerap mewakili negara dalam membaca puisi, pameran lukisan dan seminar seni budaya seluruh tanah air dan juga di peringkat antarabangsa seperti di Filipina (1976). Bhopal. India (1985). Berlin Barat (1985, 2000) Seoul Korea (1986). Indonesia (Aceh, Bali, Jakarta. Jambi, Lombok. Makassar. Padang. Riau, Palembang, Yogyakarta 1983-1998). Thailand (1986, 1989, 1990). Perancis (1986), Berlin (1986). London (1986, 1990, 1992), Australia (1993), Singapura (1990, 1995), Hamburg (2000),

<sup>3</sup> Siti Zainon Ismail, *Alam Puisi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 4

Russia (2003). Begitu juga puisi-puisi dan cerpen beliau telah diterjemah ke pelbagai bahasa seperti Bulgaria, Hindi, Inggeris, Korea, Urdhu, Jepun, Perancis, Thai dan Russia.

Beliau juga melibatkan diri dengan kerja-kerja penyelidikan kesenian tradisional seperti Wayang Kulit, Mak Yong dan Menora. Di samping itu, beliau juga telah memulakan kajian seni ukir sewaktu menyiapkan tesis sarjananya. Sepanjang penglibatan beliau dalam dunia lukisan dan karya kreatif, beliau telah menerima Hadiah Sastera Malaysia, (1975, 1976, 1979, 1983, 1985 dan 1991) Pemenang Anugerah S.E.A Write, (1989) Anugerah Gelar Cut Nyak Fakinah (Aceh, 1990), Pingat Jasa Kebaktian (Selangor, 1983), Profesor Luar Biasa (Universitas Jabal Ghafur, 1996), Pingat Setia Mahkota Selangor (2002) dan Budayanita Selangor (2006). Kini, beliau merupakan Pengarah dan Konsultan Seni Budaya Galeri Melora dan penulis bulanan Dewan Sastera, curator undangan bebas dan penasihat Madrasah Seni Gombak.

Siti Zainon berusaha mencari definisi seni dalam konteks alam Melayu kerana ianya masih belum mampu diungkapkan dengan jelas. Berdasarkan beberapa teks yang dikaji beliau dan teman-teman, dan juga melalui pembelajaran antaranya dengan Profesor Mohd Taib Osman dan Profesor Muhammad Hj. Salleh, akhirnya telah dapat menyumbang kepada pemahaman seni dalam erti kata yang sebenar. Kajian terperinci yang dilakukan hasil lawatannya ke dunia desa, seperti pertembungan yang terhasil dengan Allahyarham Pak Mail juru silat Tarinan di Perlis, Allahyarham Pak Nakula di Kelantan, Allahyarham Hamzah Awang Amat, Allahyarhamah Khatijah Awang dan lain-lain telah banyak memberi jawapan kepada persoalan-persoalan ini. Bukan itu sahaja, Siti Zainon juga amat beruntung kerana telah berpeluang berguru dengan Allahyarham Profesor Ali Hasjmy, seorang ulama dan tokoh budaya yang ditemuinya di Aceh bagi pengisian tentang pemahaman akidah, selain dengan tokoh-tokoh yang mendapat pengajian dari Barat seperti Sutan Takdir Alisjahbana, Mochtar Lubis dan sebagainya.<sup>4</sup>

Selain itu, beliau melakukan kajian tentang Aceh dan diterjemahkan melalui karyanya bertajuk Aceh Suara dari Hujung Tambak. Beliau mencoretkan pengalamannya di tanah Aceh dan membentangkan hasil kajiannya dalam bidang sosiobudaya dan kesusasteraan Aceh, puisi serta cerpen di dalam buku tersebut. Di dalam karya ini, beliau menceritakan hubungannya dengan Profesor Ali Hasjmy dan mengkhususkan satu bab sebagai catatan kenangan buat Profesor Ali Hasjmy. Profesor merupakan ayah angkat beliau di Aceh dan telah melakukan ucapan pengislaman Harry Aveling, lelaki yang akhirnya menjadi suami Siti Zainon.

Kesimpulannya, Siti Zainon Ismail merupakan sasterawan, seniman dan ahli akademik yang meminati dan mengkaji tentang sejarah dan budaya Melayu. Beliau berusaha memahaminya dan mempelajarinya sepenuh hati dan kudrat serta berusaha menyebarkan keindahan dan falsafah yang terkandung sebalik suatu kesenian dan kesusasteraan kepada masyarakat. Melalui karya-karyanya yang pelbagai, kita dapat lihat beliau mempunyai pengalaman yang luas, merantau ke pelusuk dunia mengembara mencari erti kehidupan

<sup>4</sup> Nur Hanim Mohamed Khairuddin, "Ukiran Budi Siti Zainon Ismail". My Art Memory Project. Accessed February 20, 2020. <https://myartmemoryproject.com/articles/2002/07/ukiran-budi-siti-zainon-ismail/>  
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

### Karya-Karya Yang Dihasilkan

Siti Zainon telah menghasilkan berbagai-bagai ungkapan puitis dalam beberapa buah antologi puisinya. Beliau telah melahirkan *Nyanyian Malam, Puisi-Puisi Sang Kekasih* (1984), *Daun-Daun Muda* (1986), *Perkasihan Subuh, Kau Nyalakan Lilin*, dan *Bunga-Bunga Bulan, The Moon Is A Candle, Taman-taman Kejadian, Kasih Bonda Kampung Paya Kami, Witir Sela Merapi, Gelora Air Geulumbang Rayeuk Aceh*, dan *Surat dari Awan*. Selain puisi, Siti Zainon juga turut menghasilkan novel iaitu *Rembang Flamboyan, Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*. Antara antologi cerpen yang dihasilkan, iaitu *Sri Padma, Dongeng Si Siti Kecil, Attar Dari Lembah Mawar, Bunga Putik Putih, Nyanyian Orang Laut, Jurai Palma, dan Rindu Pala Muda*. Sebagai seorang pengkaji budaya warisan, beliau melahirkan *Getaran Jalur dan Warna, Rekabentuk Kraftangan Melayu, Percikan Seni, Tekstil Tenunan Melayu, Pakaian Cara Melayu, Cara Tradisi Membuat Labu Sayong* dan *The Craft of Malaysia*. Selain itu, *100 Pepatah Pepitih Melayu* ialah karya terbaru beliau yang sarat dengan khazanah nenek moyang kita, nilai budaya dalam kalangan orang Melayu yang menekankan tentang hubungan sosial menggunakan haiwan dan unsur alam.

Antara keistimewaan Siti Zainon daripada sasterawan negara yang lain, beliau menggunakan bakat uniknya untuk melukis dan menyampaikan mesej puisinya melalui lukisan lakaran beliau.

### Penghasilan Sastera Kanak-Kanak

Siti Zainon Ismail, sasterawati negara yang ke-14 menekankan kepentingan sastera kepada anak muda yang akan menjadi pelapis negara. Beliau menjelaskan bahawa, "Kita perlukan penerus (pewaris) generasi supaya generasi kita yang bakal menjadi pemimpin tahu apa maknanya sastera, iaitu sastera yang indah, penuh adab dan penuh akal fikiran.<sup>5</sup>

Selain itu, beliau merungkaikan salah faham anak muda terhadap sastera dan mengatakan bahawa sastera untuk bangsa dan negara kita. Tradisi seni sastera tidak bererti ia kuno kerana ada sejarah dan ilmu di sebalik setiap sastera yang boleh dikaji masyarakat.

Antara usaha beliau yang kita boleh lihat dalam menggalakkan golongan pelajar dan anak muda untuk mendalami sastera dengan menghasilkan karya sastera khas untuk kanak-kanak. Ini adalah usaha mapan dan murni, berbeza dengan sasterawan-sasterawan sebelumnya. Siti Zainon menghasilkan beberapa buah buku sastera kanak-kanak bersiri yang dinamakan Siri Sahabat Siti Kecil. Beliau menggunakan pendekatan yang menarik, yang dekat dengan jiwa kanak-kanak iaitu haiwan merupakan watak di dalam cerita. Antara haiwan yang dipilih ialah angsa, kambing, kucing, cicak dan mengkarung. Haiwan-haiwan ini merupakan haiwan yang wujud di sekeliling kita, terutamanya di kawasan desa. Haiwan-haiwan yang dilakar tampil dengan seni pakaian Melayu yang pelbagai seperti bersongkok, berkain pelekat dan berbaju kurung. Pengolahan cerita dan lukisan yang dilakar oleh beliau menampilkan nurani alamnya yang sensitif serta sarat dengan nilai-nilai murni yang wajar dipupuk pada anak kecil. Beliau juga bercerita dengan bahasa yang berseni dalam bentuk dwi tulisan iaitu Jawi dan Rumi. Gaya bahasa yang digunakan berbentuk puisi. Antara contoh yang kita boleh lihat dalam karyanya berjudul Anak Kambing Sungai Air Tawar:

<sup>5</sup> Bernama, "Buka akses luas bahan sastera kepada pelajar". Berita Harian, September 22, 2019. Accessed February 20, 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/609564/buka-akses-luas-bahan-sastera-kepada-pelajar-siti-zainon>

Tiba masa  
 Dibah melahirkan dua ekor anak  
 Lucu anak lahir terus bangun.

Si abang bulu putih  
 Si adik bulu coklat muda

Gembira Dibah  
 dapat dua cahaya mata.

### Judul-Judul Buku Dalam Siri Sahabat Siti Kecil



### Penggabungan Seni Dan Sastera

Bagi penggiat dunia kesenian dan kesusasteraan Siti Zainon Ismail, seni merupakan pelbagai warna yang mencorakkan sebuah kehidupan. Seni dan sastera ibarat irama dan lagu buat wanita berdarah Jawa ini. Penghasilan pelbagai karya seni merupakan bukti kecintaan beliau yang amat mendalam dalam bidang ini. Seni baginya merupakan satu nukilan perasaan yang harus diekspresikan supaya dapat menjadi secebis kenangan. Setiap peristiwa yang mengusik tangkai hatinya membuatnya cepat untuk berimajinasi agar ia mampu menjadi secangkir memori sebagai pengalaman di masa akan datang kerana setiap penghasilan karya sastera adalah gambaran peristiwa diri penulis itu sendiri. Baginya, penyair hanyalah perakam peristiwa dan waktu sehingga dia menjadi pengembara dalam keberadaannya.<sup>6</sup> Beliau yang gemar membawa diari kecil bersamanya akan mencatatkan setiap peristiwa yang menarik hati dan pasti setiap apa yang dicatatkannya itu akan menjadi satu karya seni sama ada dalam bentuk penulisan mahupun lakaran wajah yang penuh ekspresi. Sifatnya yang gemar bertanya memberinya satu bonus dalam mempelbagaikan karya seninya itu. Wanita berjiwa besar ini tetap membawa nama seni walau ke mana sahaja diri dibawa dan komitmennya terhadap seni dan sastera bersifat total. Seni dan sastera sudah sebat dengan dirinya dan menjadi kehidupannya.

Beliau menjelaskan bahawa perkataan ‘seni’ mula dipakai bagi merujuk kepada alat kecil, daripada logam halus yang telah dihadiahkan kepada raja Melaka pada abad ke 15. Ketika itu rombongan daripada Maharaja Ming telah menghadiah ‘sepilu’ jarum sebagai hasil produk China ke Melaka bagi membayangkan betapa ramainya rakyat China. Jarum yang ‘seni-seni’

<sup>6</sup> Siti Zainon Ismail, 1994, p115

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

(yang sangat halus): walau pun halus tetapi bisa membawa tusukan maut. Istilah ini bolehlah diberi makna bahawa perkataan seni tidak saja melambangkan bentuk yang kecil tetapi jiwa yang dikandunginya seperti ‘tajam menusuk’.<sup>7</sup> Seni ialah sesuatu yang memberi kesan pada jiwa manusia.

### Penerapan Konsep Sastera Islam Dalam Lukisan

Siti Zainon ialah seorang pelukis dan telah berjaya menghasilkan banyak lukisan. Penulis berusaha memahami lukisan yang dilakar oleh beliau dan menggali konsep Sastera Islam yang wujud dalam lukisan beliau. Sepanjang pengamatan penulis, Siti Zainon tidak membahaskan konsep Sastera Islam seperti sasterawan lain seperti Afandi Hassan, Shafie Abu Bakar, Shahnon Ahmad dan selainnya. Namun begitu, penulis berusaha mencari teori Sastera Islam yang wujud di sebalik lukisan Siti Zainon, aplikasi konsep sastera Islam dalam karyanya. Beliau menggunakan pendekatan baru dalam berkarya, menggabungkan lukisan sketsa dan puisi. Kasih bonda Kampung Paya Kami ialah karya kombinasi sketsa dan puisi yang menceritakan tentang kehidupannya ketika kecil, membesar di kampung yang penuh dengan nilai-nilai murni dan kemasyarakatan.

**Pertama:** Penggunaan tulisan jawi, atau unsur-unsur kaligrafi. Tulisan jawi adalah tulisan lambang Melayu Nusantara yang perlu kita pelihara. Tulisan jawi tertera dengan jelas dalam lukisan Siti Zainon. Tulisan itu merupakan hasil karya beliau sendiri. Tulisan ini adalah khazanah Islam yang perlu kita pelihara dan perkenalkan kepada generasi seterusnya. Di sinilah keunikan Siti Zainon dalam usaha memelihara tulisan Melayu jawi, menggabungkan tulisan jawi dan lukisan.

**Kedua:** Mementingkan sensitiviti terhadap persekitaran dan masyarakatnya.<sup>8</sup> Jika kita amati lukisan Siti Zainon dan lakarannya, gambarannya jelas. Kita boleh membayangkan suasana sekitar lukisan tersebut. Beliau juga melukis watak masyarakat yang wujud dalam lakaran tersebut. Beliau menggambarkan kegiatan, pakaian, perilaku masyarakat dalam menyampaikan mesej. Hal ini membuktikan beliau sensitif dan peka terhadap sensitiviti masyarakat dan persekitarannya.

**Ketiga:** Mempunyai intipati kepada budaya dan bangsa. Lukisan Siti Zainon mengengahkan simbol-simbol masyarakat Melayu, tariannya, dan perkara-perkara yang menjadi intipati kepada budaya dan bangsa.<sup>9</sup> Nilai-nilai murni juga wujud dalam lukisan beliau. Seni Islami tidak hanya kaligrafi Islam saji melainkan termasuk juga karya-karya lukisan yang bertemakan manusia dengan berbagai aktifitasnya baik itu masalah ibadah kepada Allah swt., maupun hubungan muamalat sesama manusia, misalnya lukisan yang menggambarkan kegiatan beribadah umat Islam seperti melakukan salat, berpuasa, memberi infak, melakukan perjalanan haji, dan sebagainya.<sup>10</sup> Kita boleh lihat sambutan hari Raya, persiapan untuk menyambut bulan Ramadhan, pembayaran zakat, serta kehidupan harmoni sesama jiran tetangga dalam buku Kasih Bonda dan Anak Kambing Sungai Air Tawar.

<sup>7</sup> Nur Hanim Mohamed Khairuddin, op.cit. 2002

<sup>8</sup> Siti Zainon Ismail, *Angin Si Pauh Janggi* (Kuala Lumpur: RA Fine Arts, 2008), 11

<sup>9</sup> Ibid, 12


<sup>10</sup> Abd. Aziz Ahmad, “Dakwah, Seni dan Teknologi”, *Jurnal Dakwah Tabligh* 14, no.1 (2013): 6

**Keempat:** Tiada figuratifisme. Citra figuratif ialah seni atau lukisan yang menggambarkan alam dan manusia seperti ianya hidup dan bernyawa. Islam melarang sebarang bentuk figuratifisme dan pemujaan terhadap sebarang objek seperti objek seni.

**Kelima:** Penggunaan motif flora dan fauna. Sebagai seorang penggiat seni, beliau memandang alam dengan pandangan berbeza daripada orang lain. Alam ciptaan Tuhan merupakan ciptaan teragung yang tidak dapat ditiru oleh mana-mana makhluk. Kecantikan dan keindahan alam mampu memukau manusia, dan penyair selalunya mengambil inspirasi daripada alam. Bunga atau pokok, serta haiwan terserah kewujudannya dalam lukisan Siti Zainon.



Sketsa yang dilakar ini menunjukkan fungsi sungai pada ketika dahulu. Terdapat tulisan jawi yang menyatakan ini ialah Sungai Gombak. Kita juga dapat lihat gambaran masyarakat Melayu pada ketika itu sibuk mengangkat air dan membasuh pakaian. Ikan, pokok tebu juga dilakar sebagai flora dan fauna.



Sketsa ini menceritakan tentang tugas ayah yang berusaha membina almari menggunakan kemahirannya. Tulisan jawi di atas bertulis, terjaga dari tidur ayah sudah menyiapkan almari, tinggal bubuh cermin. Pasti cantik dan boleh bubuh buku sekolah nanti. Kita boleh lihat bahawa ini ialah kawasan kampung, yang penuh dengan haiwan dan hiasan pasu.



Sketsa ini daripada buku Siri Sahabat Siti Kecil yang berkisah tentang Kambing yang berusaha mencari ilmu, untuk memajukan diri dan kampungnya.

### Konsep Sastera Islam

Siti Zainon tidak membahaskan konsep sastera Islam namun melalui karyanya, penulis dapat melihat aplikasi konsep ini pada karyanya.

Siti Zainon menekankan bahawa keindahan puisi perlu dikembalikan kepada keindahan abadi, pemilik kepada segala keindahan iaitu Tuhan yang menciptakan kita. Semua kekuatan yang muncul di sebalik kehidupan-manusia penyair tergugah dengan pancaran silau matahari senja, angin menderu di pantai, nyanyi burung pagi hanya lukisan dasar tarikan kasatmata. Dengan kesedaran kepada kesedaran sumber asal, semuanya dari Tuhan.<sup>11</sup> Beliau juga menyatakan bahawa semuanya bermula daripada kasih sayang Ilahi, Al-Jamal. Dalam agama Islam, segala hakikat kehidupan ialah ciptaan Allah dan hambaNya yang beriman sentiasa mengingatinya ketika melihat ciptaanNya. Ini bertepatan dengan firman Allah dalam kitab suci Al Quran:

وَلِلّٰهِ مُلْكُ السَّمَاوٰتِ وَالْأَرْضِ ۝ وَاللّٰهُ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۱۸۹ ۝ إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوٰتِ وَالْأَرْضِ  
وَاحْتِلَافِ اللَّيلِ وَالنَّهارِ لَآيَاتٍ لِّأُولَٰئِي الْأَلْبَابِ ۝ ۱۹۰ ۝ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِياماً وَقُعُوداً وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ  
۝ فِي خَلْقِ السَّمَاوٰتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۝ ۱۹۱ ۝

Apabila kita meneliti ayat di atas, segala yang ada di bumi dan langit adalah kepunyaanNya. Pada kejadian langit dan bumi, serta pertukaran waktu siang dan malam adalah bukti keagungan Tuhan bagi ulul-albab (mereka yang mempunyai akal dan fikiran yang sihat, mampu menggali rahsia dan hikmah). Mereka sentiasa mengingati dan merenung tentang kebesaran Tuhan dalam segala keadaan, semasa mereka duduk, berdiri dan juga berbaring.

Oleh itu, dapat kita lihat bahawa penyair atau pengkarya yang mampu menterjemahkan hasil seni mereka dan mengingatkan manusia lain tentang Tuhan ialah Khalifah Allah dalam bidang seni budaya. Para sasterawan sebagai Khalifah Allah dalam bidang khusus, terbahagi kepada ke dalam dua kelompok besar, iaitu sasterawan beriman dan beramal soleh dan sasterawan musyrik dan munafik. Sasterawan yang beriman dan beramal soleh mengikuti pedoman ajaran

Allah manakala sasterawan musyrik dan munafik tergapai-gapai dalam kesesatan.<sup>13</sup>

Selain itu, dalam karya puisinya terkandung hakikat kehidupan dunia ini yang akan kembali pada Tuhannya.. Kita boleh lihat melalui contoh:

Sekecil mana pun

Ia tetap milik-Mu

Aku hanya musafir

Daif dengan balutan kafan

Tanpa sulaman hiasan

<sup>11</sup> Siti Zainon Ismail, 1994, p 110


<sup>12</sup> Surah Ali Imran: 189-191

<sup>13</sup> Ali Hasjmy, *Apa Tugas Sasterawan sebagai Khalifah Allah*, (Surabaya: PT Bina Ilmu),19-24  
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Di dalam bait puisi ini, penyair Siti Zainon mengingatkan kita tentang kehidupan ini hanyalah permusafiran ke dunia akhirat dan segala benda yang menjadi milik kita hakikatnya adalah kepunyaan Tuhan. Akhirnya, kita akan mati dan membawa kain kafan, tanpa sebarang hiasan di alam kubur.

### Kesimpulan

Seni dan sastera ibarat irama dan lagu yang melengkapi satu sama lain. Siti Zainon, sasterawati negara mempunyai pengalaman yang meluas dalam dunia seni dan sastera. Beliau juga memberikan sumbangan yang besar terhadap kajian tradisi seni tradisional seperti pakaian tradisional, reka bentuk kraf tangan dan lain-lain lagi. Sejak kecil, beliau telah berusaha mempelajari dan mengembangkan bakatnya. Beliau menggunakan pendekatan baru dalam berkarya iaitu menggabungkan puisi dan sketsa yang dilakar oleh dirinya. Oleh itu, terdapat aplikasi teori Sastera Islam yang kita boleh lihat dalam lukisan dan karyanya. Namun begitu, banyak lagi kajian yang perlu dilakukan bagi memantapkan lagi teori Sastera Islam dalam lukisan.



Lakaran tentang teori Sastera Islam pada Siti Zainon. Segala konsep Sastera Islam yang ada pada lukisan dan sketsa beliau akhirnya berbalik pada konsep utama, konsep keindahan abadi.

### Bibliografi

- A. Hasjmy. 1984. Apa Tugas Sastrawan sebagai Khalifah Allah. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Abd. Aziz Ahmad. 2013. "Dakwah, Seni dan Teknologi." Jurnal Dakwah Tabligh 6.
- Ismail, Siti Zainon. 1994. Alam Puisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hanim Mohamed Khairuddin. 2002. Ukiran Budi Siti Zainon Ismail, July 16.

- Siti Nur Hidayah Mohd Ali Nafiah. 2015. "Seni itu indah, bukan sekadar mainan senggang - Prof Siti Zainon Ismail." Utusan Kampus Universiti Malaysia Sabah 14.
- Siti Zainon Ismail. 2016. Anak Kambing Sungai Air Tawar. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Siti Zainon Ismail. 2008. Angin Si Pauh Janggi. Kuala Lumpur: RA Fine Arts.
- Siti Zainon Ismail. 2010. Bonda's Love- Our Kampung Paya. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Siti Zainon Ismail. 2015. Kumpulan Puisi : Surat dari Awan. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.